

Wakil rakyat yang ingin tarik diri boleh berundur — Pak Lah

UM2 9 JUN 2003

JEMPOL 28 Jun — Wakil rakyat yang ingin menarik diri boleh berbuat demikian bagi member-i laluan kepada muka baru, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pucuk pimpinan parti tidak mempunyai halangan jika mereka mahu berbuat demikian kerana ia merupakan perkara baik.

“Kalau ada yang suarakan pandangan untuk undur diri, kita terimalah,” katanya pada sidang akhbar selepas melawat Pusat Latihan Polis Ayer Hitam (PULAPAH) di sini hari ini.

“Tindakan itu baik kepada Barisan Nasional (BN) kerana ia boleh member-i laluan kepada muka baru untuk berkhidmat,” katanya ketika diminta mengulas hasrat beberapa wakil rakyat di Perak yang menyatakan untuk menarik diri bagi memberi ruang kepada golongan muda.

Mengenai kenyataan Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamad Rahmat bahawa wakil rakyat veteran wajar mengundurkan diri, Abdullah berkata, itu merupakan pandangan peribadi Mohamad.

Ditanya mengenai peletakan jawatan Presiden Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS), Datuk Leo Moggie, Abdullah berkata, ia dilakukan demi kebaikan parti.

“Peletakan jawatan itu untuk selesaikan masalah partinya,” jelas Abdullah.

Lagi pula, katanya, perkara itu telah dibincangkan dengan beliau dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

“Pandangan beliau (Moggie) untuk ambil tindakan itu adalah munasabah,” ujar beliau.